SULIT
3756/1
Prinsip
Perakaunan
Mei
2009
1 ¼ Jam

3756/1

UNIT TEKNIK DAN VOKASIONAL

JABATAN PELAJARAN KELANTAN

UJIAN PENGESANAN 2009

PRINSIP PERAKAUNAN
TINGKATAN 5

KERTAS 1

1 jam 15 minit

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas soalan ini mengandungi **40** soalan objektif.*
2. *Jawab **semua** soalan.*
3. *Tiap-tiap soalan diikuti oleh empat pilihan jawapan, iaitu **A, B, C** dan **D**. Bagi setiap soalan, pilih **satu** jawapan sahaja. **Hitamkan** jawapan anda pada kertas jawapan objektif yang disediakan.*
4. *Jika anda hendak menukar jawapan, padamkan tanda yang telah dibuat. Kemudian hitamkan jawapan yang baru.*
5. *Anda dibenarkan menggunakan kalkulator saintifik yang tidak boleh diprogram.*

Kertas soalan ini mengandungi 14 halaman bercetak

© 2009 Hakcipta Unit Teknik dan Vokasional, JPN Kelantan

1 Perakaunan merupakan proses

A merekod urus niaga dalam dua akaun yang berbeza.
B mengelas, merekod, mentafsir, melapor dan menganalisis maklumat kewangan.
C merekod urus niaga perniagaan secara tepat dan sistematik mengikut sistem catatan bergu.
D menyediakan maklumat kewangan untuk membuat keputusan, perbandingan dan perancangan.

2 Adalah menjadi amalan Kilang Perabot Sarini Sdn. Bhd. untuk menetapkan peruntukan susut nilai 10 % setahun atas kos bagi loji kilangnya.

Amalan ini berasaskan

A prinsip catatan bergu.
B prinsip ketekalan.
C prinsip materialiti.
D prinsip berterusan.

3 Dalam kitaran perakaunan, apakah yang harus dilakukan selepas Imbangan Duga disediakan ?

A Membuat pelarasan
B Mengepos catatan ke buku lejar
C Membuat catatan penutup
D Menyediakan penyata kewangan

4 Antara berikut, yang manakah diambil kira dalam penyediaan Kunci Kira-Kira ?

I Jualan dan Belian
II Modal dan Ambilan
III Penghutang dan Pemiutang
IV Stok Akhir dan Angkutan Keluar

A I dan III
B I dan IV
C II dan III
D II dan IV

5 Penyataan manakah benar mengenai liabiliti.

A Akaun liabiliti mempunyai baki debit
B Akaun liabiliti dikreditkan apabila liabiliti berkurangan
C Baki liabiliti pada akhir tahun kewangan dipindahkan ke Penyata Pendapatan
D Baki liabiliti pada akhir tahun kewangan ditunjukkan dalam Kunci Kira-Kira

6

Syarikat Roti Hajar telah menjual barang niaga yang berkos RM650 dengan harga RM750

Berdasarkan kenyataan di atas, apakah kesan urus niaga tersebut kepada persamaan perakaunan ?

A Stok berkurang RM650, Tunai bertambah RM650
B Stok berkurang RM650, Tunai bertambah RM750
C Stok berkurang RM650, Tunai bertambah RM750 dan Ekuiti Pemilik berkurang RM100
D Stok berkurang RM650, Tunai bertambah RM750 dan Ekuiti Pemilik bertambah RM100

7 Antara berikut, yang manakah benar berkaitan dengan invois ?

I Dihantar kepada pembeli bersama-sama barang niaga
II Dihantar oleh penjual kepada pembeli untuk urus niaga jualan secara tunai
III Invois asal disimpan oleh penjual untuk membuat catatan dalam Jurnal Jualan
IV Invois asal dihantar kepada pembeli untuk membuat catatan dalam Jurnal Belian

A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

8 Dokumen 1 adalah keratan cek berikut diperolehi daripada buku Perniagaan Nor Huda.

Tarikh 20 April 2009

Penerima Perniagaan Nor Huda

Kerana Tunai perniagaan

	RM	Sen
Baki Terakhir	12 500	00
Dimasukkan	-	-
Jumlah	12 500	00
Cek ini	460	00
Baki	12 040	00

No : 270866

Keratan Cek

Dokumen 1

Apakah catatan bergu yang dilakukan oleh Perniagaan Nor Huda ?

	Debit	Kredit
A	Akaun Bank	Akaun Tunai
B	Akaun Tunai	Akaun Bank
C	Akaun Bank	Akaun Perniagaan Nor Huda
D	Akaun Perniagaan Nor Huda	Akaun Tunai

9 Dokumen 2 ialah nota kredit yang telah dihantar oleh Kedai Perabot Saliha kepada pelanggannya.

SALINAN **NOTA KREDIT**
Kedai Perabot Saliha
Lot 957, Kok Kubur,
15350 Jalan Kuala Besar
Kota Bharu.

Kepada :
Pemborong Mamat
146E, Jalan Telipot,
15150 Kota Bharu.

No. : 007
Tarikh : 6 Mei 2009

Akaun tuan/puan akan dikreditkan seperti berikut :

Kuantiti	**Butir**	**Harga**	**Jumlah**
30	Almari rosak	150.00	4500.00
		Kurang 20% diskaun niaga	900.00
		Jumlah	**3600.00**

(Ringgit Malaysia : Tiga Ribu Enam Ratus Sahaja)

Saliha
……..
Pengurus

Dokumen 2

Buku catatan yang sesuai untuk merekodkan butiran dokumen itu dalam buku Kedai Perabot Saliha ialah

A Jurnal Pulangan Masuk
B Jurnal Pulangan Keluar
C Jurnal Belian
D Jurnal Am

10 Buku catatan pertama merupakan buku yang digunakan untuk merekod urus niaga berdasarkan dokumen sumber yang berkenaan.

Pilih padanan yang betul.

	Dokumen Sumber	**Buku Catatan Pertama**
A	Nota Debit (salinan)	Jurnal Belian
B	Invois (salinan)	Jurnal Jualan
C	Invois (asal)	Jurnal Pulangan Belian
D	Nota Kredit (asal)	Jurnal Pulangan Jualan

11 Antara yang berikut, urus niaga yang manakah dicatatkan dalam Jurnal Am ?

I Membeli perabot secara kredit untuk perniagaan
II Membayar sewa kediaman dengan tunai perniagaan
III Mengambil tunai perniagaan untuk kegunaan peribadi
IV Membawa masuk komputer peribadi ke dalam perniagaan

A I dan III
B I dan IV
C II dan III
D II dan IV

12 Lejar adalah buku yang

A menyenaraikan kos jualan bagi satu tempoh perakaunan
B merekodkan hasil dan belanja untuk mengira keuntungan perniagaan
C merekodkan semua perbelanjaan perniagaan dalam tempoh perakaunan
D mengandungi pelbagai jenis akaun yang digunakan untuk merekod urus niaga

13 Encik Sabri telah mengambil barang niaga bernilai RM120 untuk tujuan promosi.

Apakah akaun yang dikreditkan ?

A Stok
B Belian
C Ambilan
D Promosi

14 Pilih catatan bergu yang betul bagi urus niaga Kedai Runcit Karim.

	Urus niaga	Debit	Kredit
I	Jualan perabot secara tunai	Akaun Tunai	Akaun Perabot
II	Ambilan tunai untuk kegunaan peribadi	Akaun Ambilan	Akaun Modal
III	Belian kredit daripada Kedai Mala	Akaun Belian	Kedai Mala
IV	Bayar sewa dengan cek kepada Pak Lah	Pak Lah	Akaun Sewa

A I dan II
B I dan III
C II dan IV
D III dan IV

15 Akaun yang manakah disenaraikan dalam ruangan kredit Imbangan Duga ?

A Kenderaan
B Penghutang
C Overdraf Bank
D Simpanan Tetap

16 Antara berikut, yang manakah kesilapan catatan dalam Imbangan Duga ?

	Butir	Debit (RM)	Kredit (RM)
I	Lengkapan	5 000	
II	Angkutan masuk		175
III	Pulangan belian	160	
IV	Komisen diterima		550

A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

17 Antara berikut, manakah merupakan aset semasa?

I Gaji terakru
II Insurans terdahulu
III Sewa diterima terdahulu
IV Faedah diterima terakru

A I dan II
B I dan III
C II dan IV
D III dan IV

18 Maklumat berikut diperoleh daripada Imbangan Duga Perniagaan Merah pada 31 Disember 2008.

	Dt (RM)	Kt (RM)
Kenderaan	50 000	
Peruntukan Susut nilai kenderaan		9 500

Jika kenderaan disusut nilai menggunakan keadaan baki berkurangan pada kadar 10 % setahun, hitung susut nilai kenderaan bagi tahun 2008.

A RM4 050
B RM4 500
C RM5 000
D RM9 500

19 Berikut ialah butiran yang terlibat dalam pengiraan kos jualan

I Belian
II Jualan
III Diskaun diberi
IV Angkutan masuk

A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

20 Maklumat berikut diperoleh daripada Suria Enterprise pada 31 Disember 2008.

	RM
Penghutang	13 500
Peruntukan hutang ragu	660

Peruntukan hutang ragu adalah 4 % daripada penghutang.

Pilih catatan yang betul dalam Akaun Untung Rugi bagi tahun berakhir 31 Disember 2008.

A

Akaun Untung Rugi bagi tahun berakhir 31 Disember 2008

		Peruntukan hutang ragu	540

B

Akaun Untung Rugi bagi tahun berakhir 31 Disember 2008

Peruntukan hutang ragu	540		

C

Akaun Untung Rugi bagi tahun berakhir 31 Disember 2008

		Peruntukan hutang ragu	120

D

Akaun Untung Rugi bagi tahun berakhir 31 Disember 2008

Peruntukan hutang ragu	120		

21 Akaun kawalan penghutang juga disebut sebagai

I akaun penghutang
II akaun kawalan lejar jualan
III akaun belum terima
IV akaun belum bayar

A I, II dan III
B I, II dan IV
C I, III dan IV
D II, III dan IV

22 Maklumat berikut di ambil daripada Kumari Trading.

	RM
Baki awal pemiutang	18 650
Baki akhir pemiutang	17 990
Belian (termasuk belian tunai RM3 250)	12 330

Hitung jumlah yang sepatutnya dibayar kepada pemiutang.

A RM8 420
B RM9 740
C RM11 670
D RM12 990

23 Perniagaan Linda telah tersilap mencatat urus niaga di bawah.

Jualan kredit sebanyak RM360 kepada Nabilah telah dicatatkan dalam akaun Nabihah.

Pilih padanan yang sesuai bagi membetulkan kesilapan di atas.

	Debit	Kredit
A	Nabilah RM360	Nabihah RM360
B	Nabihah RM360	Nabilah RM360
C	Nabilah RM720	Nabihah RM720
D	Nabihah RM720	Nabilah RM720

24 Maklumat berikut diperoleh daripada Syarikat Farihin.

	RM
Baki awal penghutang	560
Penerimaan daripada penghutang	1 000
Diskaun diberi	110
Pulangan jualan	90
Hutang lapuk	160
Cek tak layan	212
Faedah	100
Hutang lapuk terpulih	150
Jualan tunai	600
Baki akhir penghutang	190

Hitung jumlah jualan bagi Syarikat Farihin.

A RM678
B RM828
C RM1 278
D RM1 428

25 Antara kesilapan yang tidak ketara dalam Imbangan Duga ialah

I kesilapan prinsip
II kesilapan komisen
III kesilapan pengiraan
IV kesilapan ketinggalan

A I, II dan III
B I, II dan IV
C I, III dan IV
D II, III dan IV

26 Tujuan utama penyediaan Belanjawan Tunai ialah

A mengukur prestasi sesebuah perniagaan
B mengira kos pengeluaran barang siap seunit
C menganggarkan jumlah penerimaan dan pembayaran tunai bagi satu tempoh tertentu.
D menunjukkan jumlah aset, liabiliti dan ekuiti pemilik bagi suatu tempoh perakaunan tertentu.

27 Maklumat di bawah menunjukkan langkah penyediaan belanjawan tunai.

I catatan anggaran pembayaran dan jumlahnya
II hitung sama ada berlaku lebihan atau kurangan
III catatkan anggaran penerimaan dan jumlahnya
IV hitung baki tunai pada akhir suatu tempoh masa

Antara berikut, urutan manakah yang betul?

A I, II, III dan IV
B III, I, II dan IV
C III, I, IV dan II
D I, III IV dan II

28 Antara butiran berikut, yang manakah **tidak** direkod dalam Belanjawan Tunai?

I belian kredit
II susut nilai
III hutang lapuk
IV pinjaman

A I ,II dan III
B I ,II dan IV
C I, III, dan IV
D II, III dan IV

29 Pada hujung setiap bulan, pihak bank akan menyediakan satu salinan rekod akaun semasa pelanggannya.

Salinan itu dipanggil

A Makluman Debit
B Makluman Kredit
C Penyata Bank
D Penyata Penyesuaian Bank

30 Antara yang berikut manakah **bukan** cara menyediakan Penyata Penyesuaian Bank?

A Bermula dengan baki Buku Tunai
B Bermula dengan baki Penyata Bank
C Bermula dengan baki Buku Tunai yang dikemaskini
D Bermula dengan baki Penyata Bank yang dikemaskini

31 Butiran manakah yang ditunjukkan dalam Penyata Bank?

I Caj Bank
II Deposit belum dikreditkan.
III Cek belum dikemukakan.
IV Pindahan kredit daripada penghutang.

A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

32 Antara berikut yang manakah merupakan syarat-syarat yang terdapat dalam Akta Perkongsian 1961?

I Pembahagian untung dan rugi antara pekongsi sama rata
II Pekongsi yang mengurus perniagaan berhak menerima gaji
III Pekongsi tidak akan dibayar faedah atas modal dan faedah atas ambilan
IV Pekongsi yang memberi pinjaman kepada perniagaan berhak menerima faedah 8 % setahun

A I, II dan III
B I, II dan IV
C I, III dan IV
D II, III dan IV

33 Berikut ialah item-item yang dicatat ke dalam Akaun Pengasingan Untung Rugi **kecuali**

A Faedah atas pinjaman pekongsi
B Faedah atas ambilan pekongsi
C Faedah atas modal pekongsi
D Gaji pekongsi

34 Encik Mursalin ialah pekongsi yang bekerja sepenuh masa dalam perniagaannya. Mengikut Ikatan Perkongsian ia layak menerima gaji sebanyak RM25 000 setahun. Dalam tempoh setahun, En. Mursalin menerima cek gaji berjumlah RM20 000.

Berapakah jumlah gaji yang perlu direkodkan dalam Akaun Semasa Mursalin?

A RM5 000
B RM20 000
C RM25 000
D RM45 000

35 Puan Waheeda dan Puan Solehah adalah pekongsi. Mereka bersetuju untuk membubarkan perkongsian pada 30 April 2009.

Antara sebab-sebab yang mungkin mendorong mereka membubarkan perkongsian tersebut ialah:

I Perkongsian mereka ditukarkan kepada syarikat
II Puan Solehah menjadi tidak siuman selepas kematian suaminya
III Perkongsian mereka tidak mencapai keuntungan yang dijangkakan
IV Tempoh perkongsian yang ditetapkan dalam Ikatan Perkongsian telah tamat

A I, II dan III
B I, II dan IV
C I, III dan IV
D II, III dan IV

36 Encik Ganesan telah mendapat persetujuan daripada rakan kongsi, Puan Kamala untuk membubarkan perkongsian mereka pada 30 Mei 2009, tetapi Akaun Modal Puan Kamala menunjukkan baki debit.

Antara berikut yang manakah menyebabkan Akaun Modal Puan Kamala berbaki debit?

I Rugi realisasi
II Untung realisasi
III Modal yang disumbangkan oleh Puan Kamala adalah rendah
IV Nilai aset yang diambilalih oleh Puan Kamala terlalu tinggi

A I, II dan III
B I, II dan IV
C I, III dan IV
D II, III dan IV

37 Pada tarikh pembubaran, Akaun Modal Noriah berbaki kredit RM2 500. Dia menanggung rugi realisasi RM1 700 dan bersetuju mengambil alih perabot kedai dengan harga RM1 500.

Berapakah kurangan modal yang dialami oleh Noriah?

A RM700
B RM2 300
C RM2 700
D RM5 700

38

- Jenis perniagaan yang dijalankan
- Modal yang dibenarkan
- Kenyataan liabiliti ahli adalah terhad

Pernyataan di atas mengenai syarikat terkandung dalam

A Prospektus
B Tatawujud Syarikat
C Tataurusan Syarikat
D Sijil Penubuhan Syarikat

39 Antara berikut, manakah yang benar tentang saham biasa?

I Kadar dividen bergantung kepada keuntungan syarikat
II Diberi keutamaan membuat tuntutan aset sebelum pemegang saham keutamaan
III Mempunyai hak mengundi dan mengawal syarikat
IV Berhak menerima dividen tertunggak

A I dan II
B I dan III
C II dan IV
D III dan IV

40 Syarikat Intan Berhad telah menerbitkan 1 000 000 unit saham biasa bernilai RM1 setiap satu dan 800 000 unit saham keutamaan 5% bernilai RM2 setiap satu. Lembaga Pengarah telah mengisytiharkan dividen akhir kepada pemegang saham keutamaan dan 9% dividen akhir kepada pemegang saham biasa.

Hitung dividen akhir.

A RM72 000
B RM90 000
C RM162 000
D RM170 000

KERTAS SOALAN TAMAT